

KESALAHAN BERKAHWIN TANPA KEBENARAN BAGI ORANG ISLAM DI MALAYSIA: TINJAUAN BERDASARKAN PERSPEKTIF SYARAK DAN UNDANG-UNDANG

ILLEGAL MARRIAGE FOR MUSLIMS IN MALAYSIA IN MALAYSIA: A REVIEW BASED ON THE SHARIA AND LAW PERSPECTIVES

Siti Aishah Borhanuddin¹, Mahamatayuding Samah², Mohd Norhusairi Mat Hussin^{3*}

¹ Calon Sarjana Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, sitiaishahborhanuddin@gmail.com.

² Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, mahyudin@um.edu.my.

³ Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, husairi@um.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 18 April 2023

| Selepas Pembetulan: 17 Okt 2023

| Diterima untuk terbit: 14 Nov 2023

Abstrak

Perkahwinan merupakan kontrak sivil dan ibadah yang sah dilangsungkan tanpa bergantung kepada istiadat, prosedur dan kehadiran pegawai tertentu bahkan kitab-kitab fiqh klasik tidak meletakkan keperluan merekodkan perkahwinan secara rasmi. Dalam menjaga kemaslahatan dan keturunan, tindakan mengkodifikasikan perundangan untuk merekodkan perkahwinan telah digubal sejajar dengan kemajuan masa kini. Pelanggaran kepada aturan perundangan ini akan membawa kepada kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran berdasarkan elemen serta konsep kesalahan dari sudut syarak dan undang-undang. Oleh itu, artikel ini akan meninjau konsep perkahwinan tanpa kebenaran menurut syarak dan undang-undang yang digunakan pada masa kini. Penumpuan mengenai keperluan untuk melangsungkan perkahwinan dari sudut syarak dan prosedur perkahwinan berdasarkan Undang-undang Islam turut dihuraikan menggunakan pendekatan kualitatif secara dokumentasi yang bersifat deskriptif serta mengaplikasikan kaedah analisis data melalui kandungan berdasarkan artikel, buku dan statut undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran. Hasil kajian mendapati meskipun terdapat perbincangan mengenai perkahwinan yang tidak sah dari segi syarak seperti masalah dari sudut perwalian, namun takrif kesalahan berkahwin tanpa kebenaran lebih hampir dengan istilah undang-undang keluarga Islam berdasarkan jenis-jenis kesalahan. Undang-undang keluarga Islam dilihat turut mengkategorikan perkahwinan tanpa kebenaran dalam dua bentuk iaitu kebenaran daripada Pendaftar dan kebenaran dari mahkamah syariah sekaligus menunjukkan keseimbangan dan keunggulan perundangan Islam di negara ini tanpa perlu menafikan hukum syarak yang sedia ada.

Kata kunci

Perkahwinan, perkahwinan tanpa kebenaran, syarak, undang-undang keluarga Islam, prosedur perkahwinan

Abstract

Marriage is a civil contract and a legal act of worship performed without the need to rely on rituals, procedures, or the presence of specific officials; even the classic books of fiqh do not place the need for the marriage to be properly recorded. In accordance with present progress, the act codifying the legislation to record marriages has been enacted in accordance with the needs and descendants. Violation of these legal rules will result in the offence of matrimonial marriage without permission based on Sharia and legal elements and concepts of offence. Therefore, this article will explore the concept of marriage without permission in light of both Sharia law and current legal standards. Using a qualitative approach, descriptive documentation, and data analysis techniques through content based on articles, books, and legal statutes related to the crime of marrying without permission, the focus on the necessity of marriage from Sharia perspective and marriage procedures based on Islamic law is explained. The study's findings revealed that, besides the controversial Sharia issues related to illegal marriage such as issues of wali consent, the offence of marrying without permission is more related to Islamic family law under the offences category. Islamic family law is also shown to classify marriages without permission in two ways, permission from the registrar and the court, thus showing the balance and superiority of Islamic legislation in this country without having to deny the existing Sharia law.

Keywords

Marriage, Illegal Marriage, Sharia, Islamic Family Law, Marriage Procedures

1.0 Pendahuluan

Situasi lampau pada zaman dahulu menyaksikan masyarakat Islam di Malaysia yang ingin melangsungkan perkahwinan dan mengambil keputusan menetapkan sesuatu tarikh akad nikah, kenduri kendara dan bersangkutan dengannya akan berhadapan dengan orang yang lebih alim atau Imam (jurunikah) untuk mendapatkan jawapan dari persoalan yang timbul. Ini menunjukkan keprihatinan mereka terhadap hukum syarak dalam urusan perkahwinan. Berbeza dengan keadaan masa kini yang memperlihatkan bahawa hampir tiada lagi amalan tersebut bahkan pasangan sendiri akan menentukan urusan perkahwinan secara peribadi hingga tercetusnya perkahwinan secara sembunyi atau nikah sirri (M. N. Mohamad, 2008) yang tidak asing lagi dalam masyarakat. Pelbagai istilah telah digunakan masyarakat seperti “Kahwin Lari”, “Kahwin Kobi”, “Pernikahan Merentasi Sempadan” atau “Kahwin Luar Sempadan”. Kesalahan ini juga bukanlah sesuatu perkara yang baharu bahkan acap kali menjadi buah mulut perbincangan (Hussain & Mohd Noor, 2020). Perkahwinan seperti ini bukan sahaja melibatkan kalangan orang awam, tetapi turut diamalkan oleh golongan hartawan, individu berpendidikan tinggi atau rendah, ahli politik, golongan profesional, kerabat diraja, ahli perniagaan atau pelajar (Md Hashim, 2011) dan tidak semestinya hanya berlaku di luar negara sahaja (Abdul Karim & Abdul Rauf, 2020).

Perkahwinan tanpa kebenaran secara umumnya merupakan perkahwinan yang tidak mengikut akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam kerana tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim yang berkaitan serta dilakukan tanpa persetujuan wali pengantin perempuan. Polemik kepada perkahwinan tanpa kebenaran telah menjadi sorotan masyarakat pada masa kini dan boleh dilihat menerusi peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran yang tertumpu kepada negeri yang bersempadan dengan Thailand seperti Perlis, Kelantan dan Kedah. Sebagai contoh, statistik negeri Kedah

mencatatkan 799 kes pada 2018 berbanding 566 kes pada tahun 2017 yang meliputi kesalahan poligami tanpa kebenaran dan perkahwinan tanpa kebenaran (Bernama, 2019). Berdasarkan negeri yang taklukannya lebih bersifat majoriti pula iaitu Wilayah Persekutuan yang merangkumi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah merekodkan sebanyak 500 kes perkahwinan tanpa kebenaran telah berlaku di negeri tersebut sejak 2017 hingga 2018 yang meliputi jenis kesalahan yang sama iaitu poligami tanpa kebenaran dan perkahwinan tanpa kebenaran (Bernama, 2018).

Namun begitu, berlaku penurunan kesalahan ini pada tahun-tahun berikutnya di seluruh negara akibat wabak covid-19 yang memerlukan penutupan pintu antara daerah, negeri bahkan antara negara berdasarkan pernyataan seorang ejen nikah sempadan yang menyatakan telah kehilangan punca pendapatan berikutan adanya SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Abd Mutalib, 2021). Bagaimanapun kesalahan ini didapati kembali meningkat semula selepas pintu sempadan dibuka (Hassan, 2022) dengan purata kenaikan dua kali ganda pada tahun 2022 untuk permohonan nikah Siam sahaja (Adnan, 2023). Dengan itu, perkahwinan tanpa kebenaran dinilai terhenti seketika kerana sikap pasangan atau ejen-ejen nikah yang hanya takut akan undang-undang berkaitan merentasi sempadan sahaja bukan kerana kesedaran berkaitan kesalahan berkenaan perkahwinan itu sendiri.

Islam telah memandang setiap perkara dalam rumahtangga dan kekeluargaan sebagai sesuatu yang serius berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah (Abdul Karim & Abdul Rauf, 2020). Ini termasuk soal perkahwinan yang diertikan sebagai suatu ikatan yang sah antara seorang lelaki dan perempuan dalam memainkan peranan sebagai suami isteri (Pustaka, 2007). Sebagaimana yang telah dimaklumi, perkahwinan haruslah menyempurnakan setiap rukun-rukun pernikahan iaitu suami, isteri, sighth, wali dan dua orang saksi (Hussain & Mohd Noor, 2020). Selain rukun-rukun, perkahwinan juga harus memenuhi syarat-syarat perkahwinan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak (Az-Zuhaily, 2011). Setiap lelaki dan perempuan yang ingin menjalani rumah tangga diwajibkan untuk melalui prosedur ijab dan qabul (N. S. Hussin, 2015). Begitu juga, pasangan haruslah memahami bahawa ketetapan dalam perkahwinan seperti akad nikah merupakan ikatan batin dan tidak menyerupai akad dalam urusan jual beli kerana ianya melibatkan kesahan dari hukum dari sudut syarak dan perundangan (N. S. Hussin, 2015).

Berbicara mengenai latar belakang sejarah perundangan keluarga Islam, Malaysia telah dinobatkan sebagai negara pertama di Asia Tenggara yang mengkodifikasikan undang-undang berkaitan kekeluargaan menerusi beberapa penerapan undang-undang antaranya *Mohammadan Marriage Ordinance No.5* (1880) untuk negara-negara selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, *Registration of Muhammadan Marriage and Divorces Enactment 1885* untuk negara-negara Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dan *Divorce Regulation 1907* untuk negara-negara Melayu tidak bersekutu iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Johor. Pengkodifikasian ini dilihat telah memfokuskan berkenaan pendaftaran perkahwinan dan perceraian (Basyar, 2017). Kini, hal ehwal berkaitan kekeluargaan telah diserahkan di bawah bidangkuasa negeri-negeri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan yang menyatakan bahawa setiap urusan perkahwinan yang melibatkan orang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri dan diberikan peruntukan kuasa untuk menggubal serta menetapkan Enakmen Undang-undang Keluarga

Islam masing-masing (Perlembagaan Persekutuan, 2009). Justeru, dalam menjelaskan pernikahan yang tidak sah di sisi undang-undang, Undang-undang keluarga Islam telah mengkategorikan pernikahan ini di bawah pernikahan tanpa kebenaran (Hussain & Mohd Noor, 2020). Bagi meraikan perundangan Islam dalam konteks tidak membelakangi hukum syarak, Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri dilihat perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam pensabitan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran berdasarkan seksyen, ordinan dan fasal yang ditetapkan.

Rentetan dari implikasi mendatang terhadap perkahwinan tanpa kebenaran yang sudah tentu lebih banyak membawa kepada kesan negatif terhadap orang Islam, keperluan artikel kesalahan berkahwin tanpa kebenaran dari perspektif syarak dan perundangan Islam dengan menumpukan beberapa sudut klasifikasi kesalahan dilaksanakan bertujuan adanya pendedahan mengenai kesalahan ini. Peruntukan undang-undang dipilih berdasarkan Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Selangor 2003 berikutan isi dari peruntukan setiap negeri adalah hampir sama. Selain itu, kajian ini sedikit sebanyak membolehkan masyarakat lebih peka terhadap sesuatu tindakan serta tidak memandang perkahwinan tanpa kebenaran sebagai normalisasi atau kebiasaan.

2.0 Sorotan Literatur

Perkahwinan tanpa kebenaran telah diistilahkan dalam Kamus Dewan sebagai "kahwin lari" yang memberi maksud perkahwinan (pernikahan) pasangan lelaki dengan wanita yang kebiasaannya suka sama suka yang dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan dan direstui oleh kaum keluarga (Pustaka, 2007). Kahwin lari bukan sahaja hanya dilakukan di negara jiran, tetapi boleh terjadi melalui nikah sindiket atau perkahwinan sindiket dengan ketiadaan izin wali dan pendaftar nikah dalam daerah (M. N. Mohamad, 2008). Negara jiran yang sering menjadi tumpuan kahwin lari adalah Selatan Thailand berikutan prosedur dan prosesnya lebih mudah dan mudah (Atiqah et al., 2020) dalam tempoh 15 minit sahaja (S. A. & N. S. Hussin, 2015). Selain itu, perkahwinan tanpa kebenaran juga kerap berlaku di Indonesia dan India (Abdul Karim & Abdul Rauf, 2020). Selain menggunakan istilah kahwin lari, perkahwinan tanpa kebenaran juga diistilahkan sebagai nikah sindiket kerana mempunyai elemen-elemen perkahwinan yang menyalahi undang-undang seperti tidak menggunakan wali bertauliah berikutan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganggarkan hampir 70 peratus perkahwinan sindiket adalah tidak sah menurut hukum syarak (Hashim et al., 2020).

Perkahwinan tanpa kebenaran rakyat Malaysia dengan warga asing juga menjadi suatu kebiasaan pada masa kini. Perkenalan yang bermula sebagai rakan kerja, belajar, melancong, urusan dalam industri dan lain-lain akan membawa kepada hubungan peribadi antara keduanya hingga membawa kepada perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara. Selain menggunakan alasan tidak berkesempatan untuk pulang ke Malaysia bagi menjalani prosedur perundangan, pelaku turut menyatakan kos yang tinggi turut menjadi suatu halangan. Antara warga asing yang menjadi pilihan rakyat Malaysia untuk berkahwin adalah sebanyak 31 negara berbeza seperti Thailand dengan jumlah 419 pasangan, Indonesia dengan 228 pasangan, Pakistan berjumlah 45 pasangan dan Filipina 18 pasangan. Terdapat juga warga asing dari beberapa buah negara pilihan lain iaitu Bangladesh, Kemboja, Afrika Selatan, Nepal, Singapura, Perancis, Nigeria, Korea, Jepun, Afghanistan,

Lubnan, Denmark, Amerika Syarikat, Iran, Arab Saudi dan Uzbekistan (Nasohah, 2014).

Dari sudut syarak, konsep perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia dikaitkan dengan isu penggunaan wali hakim dalam perkahwinan. Hal ini diambil kira dengan melihat jarak antara pasangan perempuan dan wali perempuan yang wajib melebihi dua marhalah. Penilaian turut dilihat terhadap pasangan lelaki dari sudut sekufunya, cukup umur, tidak gila, cerdik dan mampu dari sudut harta. Kedua-dua pasangan juga adalah saling memahami dan berpegang teguh dengan agama Islam (Abdul Karim & Abdul Rauf, 2020). Selain itu, kedudukan perkahwinan tanpa kebenaran dari hukum syarak adalah sah walaupun tidak memenuhi prosedur undang-undang sekiranya dilaksanakan dengan betul samada dari sudut rukun nikah serta syaratnya. Namun begitu, keperluan untuk mendaftarkan perkahwinan setelah itu amat digalakkan kerana kegagalan melakukannya akan mengakibatkan permasalahan yang akan timbul dalam urusan nafkah, perceraian, kematian dan lain-lain (Ahmad Zakhi, 2015). Sementara itu, unsur perkahwinan tanpa kebenaran dari aspek perundangan Islam boleh dikategorikan kepada dua bentuk perkahwinan. Pertama, perkahwinan yang sah tetapi tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia kerana wali am tidak diiktiraf, tidak mengikut prosedur dan tidak mematuhi undang-undang tempat akad nikah dijalankan dan dokumen yang dilampirkan ketika akad nikah tidak dapat dipastikan kesahannya. Kedua, nikah sindiket yang diragui kesahannya kerana wali yang menjalankan perkahwinan diragui statusnya, tidak merujuk kepada undang-undang serta tiada dokumen berkaitan perkahwinan atau dokumen yang diberikan adalah palsu (M. N. Mohamad, 2008). Melihat kepada dua kategori kesalahan yang disebutkan, dapat dinilai bahawa bentuk kesalahan lebih tertumpu kepada perkahwinan tanpa kebenaran yang dilaksanakan di luar negara. Namun begitu, tidak dapat dinafikan kewujudan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran yang berlaku di dalam negara turut boleh dikaitkan dengan nikah sindiket berserta dokumen palsu yang disertakan sebagaimana yang telah berlaku bagi perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara.

Perkahwinan tanpa kebenaran kebanyakannya berpunca kerana ingin berpogami. Meskipun begitu faktor tertinggi yang sering menjadi punca bagi kesalahan ini ialah disebabkan wali enggan menikahkan anak perempuan, tiada persetujuan keluarga terhadap calon, dan anggapan prosedur perkahwinan terlalu sukar untuk dipenuhi (Abdul Karim & Abdul Rauf, 2020). Akibat salah faham terhadap prosedur yang digariskan undang-undang telah mengakibatkan pasangan dengan rela hati untuk bernikah secara sindiket (Hashim et al., 2010) terutama di Selatan Thailand berikutan mudahnya penyempurnaan perkhidmatan urusan untuk berkahwin seperti jurunikah dan saksi (Subari, 2020). Selain itu, terdapat segelintir kes terpencil yang menjadi punca perkahwinan tanpa kebenaran dalam masyarakat kini seperti yang dinyatakan dalam akhbar Berita Harian (Wan Muhammad, 2017) bahawa tindakan kahwin lari ke luar negara tanpa kebenaran boleh dikaitkan dengan ketidakmampuan lelaki untuk membayar mas kahwin atau hantaran yang ditetapkan oleh keluarga perempuan berikutan terlalu pelik atau tinggi jumlahnya. Faktor kehamilan sebelum nikah hasil dari pergaulan bebas tidak terkecuali membuatkan pasangan bertindak untuk berkahwin di luar atau dalam negara tanpa kebenaran pihak berkuasa demi menutup aib dan malu. (Zahari, 2019). Secara realiti, faktor-faktor yang disebutkan merupakan alasan popular yang sering diberikan oleh setiap pasangan yang melaksanakan perkahwinan secara salah samada perkahwinan tersebut pertama kali dilakukan ataupun poligami.

3.0 Keperluan Dalam Perkahwinan Menurut Hukum Syarak Dan Undang-Undang

Selain terdapat ketetapan hukum berkahwin bagi setiap orang berdasarkan situasi dan masalah tertentu yang telah digariskan menurut hukum syarak seperti afdal, makruh, sunnah mahupun haram berkahwin (Al-Khin et al., 1413), Islam telah menyusun rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan supaya setiap tindakan dalam perkahwinan tidak dilakukan secara ala kadar dan tidak sempurna. Oleh itu, keperluan memenuhi rukun nikah syarat-syaratnya bertujuan memastikan sahnya suatu ikatan perkahwinan (Mehmood & Hashim, 2021). Kitab Fiqh terdahulu telah menggariskan terdapat lima (5) rukun nikah yang wajib dipenuhi untuk melangsungkan perkahwinan iaitu sighth, dua orang saksi, pengantin perempuan, pengantin lelaki dan wali. Perbincangan tentang persyaratan dalam sighth ijab qabul pernikahan mestilah jelas dan tepat bukan bersifat kiasan. Ucapan juga tidak boleh terikat dengan tempoh masa dan keadaan. Syarat dua orang saksi wajib beragama Islam serta dari golongan yang sempurna fizikalnya dan bukan juga merupakan orang yang dipaksa. Pengantin lelaki dan Perempuan perlulah jelas status diri dan nasabnya serta bukan dari orang yang menghalang untuk berkahwin (Al-Khin et al., 1413). Begitu juga, selain baligh dan berakal wali turut disyaratkan dari kalangan waris terhampir, sempurna keadaannya dan merupakan seorang Islam yang merdeka (Musa, 1956).

Hukum syarak yang sememangnya bersandar kepada nas al-Quran dan as-Sunnah meletakkan rukun nikah beserta syaratnya sebagai suatu garisan untuk pasangan yang ingin melangsungkan akad nikah dalam rangka memastikan kesahan suatu perkahwinan (Man, n.d.), manakala aspek peraturan dan perundangan Islam dikodifikasikan untuk melengkapi hukum syarak serta termasuk tuntutan untuk mentaati perintah *Ulul Amri* tau pemerintah (Hashim et al., 2020). Perundangan sebelum berkahwin bagi orang Islam telah ditetapkan serta dipersetujui untuk digunapakai di setiap negeri dan turut diperuntukkan di dalam undang-undang keluarga Islam di seluruh negeri di Malaysia.

Antara peraturan yang umumnya digunapakai di setiap negeri adalah setiap urusan pernikahan bujang yang ingin dilakukan wajib melalui prosedur 4P iaitu "Proses, Pengesahan, Pendaftaran dan Perkahwinan" dan prosedur 5P "Permohonan, Proses, Pengesahan, Pendaftaran dan Perkahwinan" bagi perkahwinan poligami. Ketidakpatuhan melalui prosedur 4P atau 5P ini akan membawa kepada suatu perkahwinan yang tidak sah di sisi undang-undang atau perkahwinan tanpa kebenaran (Bernama, 2022). Selain itu, terdapat ketetapan yang secara rasminya diperundangan dalam setiap statut enakmen, akta atau ordinan yang memperuntukkan mengenai orang yang boleh mengkadnikahkan perkahwinan, umur minimum untuk berkahwin, permohonan kebenaran untuk berkahwin, permohonan untuk poligami dan pendaftaran perkahwinan. Kesemua ketetapan rasmi ini boleh dikatakan sebagai prosedur wajib untuk berkahwin menurut undang-undang kerana ianya sangat berhubungan dengan tatacara sebelum melangsungkan perkahwinan. Huraian bagi peraturan tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Umur Minimum Untuk Berkahwin

Meskipun hukum syarak telah menetapkan simbolik umur dewasa seseorang berdasarkan balighnya (Shanmugam & Abd Rahman, 2021) seorang lelaki iaitu telah bermimpi hingga mengeluarkan air mani dan seorang perempuan yang telah keluar haid (A. Ibrahim, 1999), terdapat beberapa aturan sivil yang telah memperuntukkan secara rasmi had umur seorang kanak-kanak untuk mencapai taraf dewasa. Menerusi Artikel 1 Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 atau The United Nations Childrens Fund (UNICEF)(Hashim et al., 2019), seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) dan seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan istilah 'bawah umur' ditunjukkan kepada seseorang yang dibawah umur 18 tahun dan dianggap dewasa apabila telah mencapai umur 18 tahun ke atas. Seseorang yang telah baligh juga belum tentu dewasa di sisi undang-undang sivil (Shanmugam & Abd Rahman, 2021).

Terdapat beberapa pandangan mazhab yang menyokong perkahwinan di bawah umur, namun hampir ke semua mazhab mengambil pendekatan untuk mengaplikasikan *Khiyar al-Bulugh* atau pilihan menolak perkahwinan sebelum baligh (Nik Badli Shah, 2002). Hal ini termasuk yang digunapakai dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia yang telah meletakkan dasar ini dalam aspek penentuan umur untuk berkahwin di peruntukan setiap negeri (A. Ibrahim, 1999) dengan penyelarasan penetapan umur dewasa untuk berkahwin bagi lelaki adalah melebihi umur 18 tahun, manakala bagi perempuan melebihi umur 16 tahun dan boleh berubah dalam situasi tertentu jika mendapat kebenaran serta keizinan bertulis daripada hakim syarie (Nik Wajis et al., 2020). Walau bagaimanapun, negeri Selangor dan Sarawak pernah bercadang dan masih dalam proses pindaan sehingga kini untuk menaikkan had umur berkahwin bagi perempuan iaitu hendaklah melebihi umur 18 tahun ke atas sebagaimana penetapan umur bagi lelaki (Zain, 2018). Secara dasarnya, had penetapan umur untuk berkahwin ketika ini masih selaras di peringkat negeri menurut undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing. Penetapan had umur yang digariskan sudah semestinya demi menghalang diskriminasi dan implikasi negatif terhadap kanak-kanak yang belum mampu berfikir dengan matang dalam urusan perkahwinan.

3.2 Orang Yang Boleh Mengakad Nikahkan Perkahwinan

Setiap perkahwinan yang dilangsungkan di dalam negara haruslah dilakukan di hadapan pihak pendaftar nikah, cerai dan rujuk (NCR) meskipun perkahwinan dinikahkan oleh wali pengantin perempuan sendiri (Zain & Mohd Hashim, 2007). Peruntukan undang-undang telah menyenaraikan hanya tiga pihak sahaja yang berhak untuk mengakadnikahkan seorang perempuan yang masih mempunyai wali nasab (Ahmad Zakhi, 2015) iaitu wali atau wakil dari wali atas kebenaran dan dilakukan di hadapan pendaftar. Dalam keadaan tertentu, pendaftar juga dibenarkan bertindak menggantikan wakil wali dalam melakukan akad nikah tersebut. Manakala bagi seorang perempuan yang tidak mempunyai wali nasab hendaklah dinikahkan oleh wali raja atau wali hakim (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984).

Umumnya, wali yang boleh mengakadnikahkan seorang perempuan adalah wali nasab perempuan tersebut samada wali aqrab seperti bapa atau datuk. Kemudian hak untuk mengakadnikahkan akan berpindah kepada wali ab'ad seperti saudara lelaki atau bapa saudara. Seterusnya, pihak kedua yang boleh

mengakadnikahkan perempuan tersebut boleh berpindah kepada wakil wali dan hendaklah dilaksanakan dengan keizinan dan di hadapan pendaftar. Penggunaan wakil wali dilakukan apabila wali nasab tidak mahu mengakadnikahkan sendiri pihak perempuan atas sebab tertentu. Pihak ketiga yang boleh mengakadnikahkan perkahwinan ialah pendaftar atas permintaan wali nasab yang menginginkan pendaftar mengakadnikahkan pasangan. Situasi pihak ketiga ini adalah hampir sama seperti penjelasan dalam situasi pihak kedua mengenai wakil wali (Ahmad Zakhi, 2015).

Seterusnya, perkahwinan yang ingin dilangsungkan di luar negara hendaklah dilaksanakan menurut hukum syarak serta dilakukan oleh pendaftar yang dilantik secara sah di Kedutaan Malaysia, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia. Pendaftar juga harus berpuas hati kedua-dua pihak yang ingin berkahwin adalah pemastautin negara Malaysia dan pendaftaran pernikahan berlaku sebagaimana yang digariskan oleh peruntukan undang-undang (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984). Demi memastikan setiap akad nikah dilakukan mengikut tatacara hukum Islam dan perundangan yang sah, Kerajaan Malaysia bersama beberapa negara tertentu seperti Sempadan Thailand telah melakukan suatu perjanjian memorandum dan disepakati bersama-sama (Ahmad Zakhi, 2015). Situasi bagi perkahwinan luar negara tidak dilangsungkan di tempat yang dinyatakan sebelum ini, perkahwinan tersebut boleh dikira sah sekiranya menepati hukum syarak. Walau bagaimanapun, akan berlaku prosedur yang berbeza terutama dari aspek pendaftaran pernikahan yang dilangsungkan (Hussain & Mohd Noor, 2020) dan akan dibahas nanti.

3.3 Permohonan Kebenaran Untuk Berkahwin

Umumnya, dalam memastikan kesahan suatu perkahwinan, terdapat prosedur tertentu yang diperlukan bergantung kepada keadaan dan situasi pihak pemohon yang ingin berkahwin. Prosedur tersebut terbahagi kepada perkahwinan yang dilakukan di dalam daerah, perkahwinan yang dilakukan di luar negeri atau daerah tempat mastautin dan perkahwinan di luar negara (Md. Nor & Mohd Shari, 2006). Setiap pasangan yang ingin berkahwin haruslah berpandukan kepada salah satu prosedur mengikut situasi masing-masing.

Bagi perkahwinan dalam daerah, taraf mastautin merupakan perkara yang paling utama diberi perhatian dengan merujuk kepada alamat dalam kad pengenalan. Jika didapati alamat tersebut berbeza dengan tempat permohonan nikah, maka pemohon dikehendaki membuat surat pengesahan nikah yang disahkan oleh ketua kampung atau mengemukakan surat beranak. Pemohon harus mengisi setiap butiran dalam borang nikah dan mendapatkan status pengesahan diri serta wajib melampirkan Sijil Kursus Pra Perkahwinan Islam dan surat bebas Human Immunodeficiency Virus (HIV). Kesemua dokumen ini akan disemak oleh jurunikah yang mukim tersebut. Jika lulus, penentuan tarikh pernikahan akan diberikan oleh Pejabat Agama Islam Daerah. Setelah 30 hari berlangsungnya akad nikah, sijil nikah akan diberikan kepada pasangan bagi membuktikan bahawa pernikahan yang dilangsungkan adalah bertepatan dengan hukum syarak dan undang-undang. Prosedur yang hampir sama turut ditetapkan bagi pemohon yang ingin melangsungkan perkahwinan di luar daerah atau negeri dengan dimulakan oleh pihak lelaki untuk melengkapkan borang dan mendapatkan surat pengesahan bujang. Setelah Pegawai Agama Islam mengesahkan tempat permohonan nikah dengan mengeluarkan borang kebenaran untuk bernikah, pihak lelaki harus

mengirimkan borang kebenaran nikah tersebut kepada pihak perempuan yang tinggal di negeri atau daerah berbeza untuk menyelesaikan baki urusan seterusnya iaitu melengkapkan borang dan keperluan yang sama dengan pihak lelaki. Namun borang tersebut haruslah dilampirkan bersama borang permohonan pihak lelaki tadi. Surat Kebenaran untuk bernikah dari tempat pihak perempuan akan dikeluarkan setelah segala dokumen yang diserahkan telah disemak dan dibenarkan oleh jurunika di Pejabat Agama (Md. Nor & Mohd Shari, 2006).

Di samping itu, dalam memastikan segala urusan lebih bersistematik, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membina sebuah sistem atas talian iaitu Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) yang bertujuan memudahkan setiap pasangan dalam melakukan urusan permohonan nikah. Bagi memastikan kelancaran sistem ini, beberapa buah negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri turut bekerjasama bersama JAKIM dan mengharuskan penggunaan sistem ini dalam urusan perkahwinan. Antara negeri yang berkaitan ialah Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Perlis, Kedah, Johor, Perak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan). Orang yang wajib berdaftar dengan sistem ini adalah salah satu pemohon atau kedua-dua pemohon yang ingin bernikah di negeri SPPIM atau pemohon yang bukan dari negeri yang mewajibkan berdaftar dengan SPPIM tetapi ingin bernikah di negeri SPPIM. Keperluan sistem ini adalah hampir sama dengan permohonan manual yang memerlukan untuk melengkapkan maklumat permohonan lelaki, pemohon perempuan dan wali perempuan (SPPIM, n.d.). Ini bermakna pemohon yang ingin berkahwin berasal dari daerah atau negeri mastautin yang tidak mewajibkan pendaftaran SPPIM tidak perlu untuk menjalani prosedur dalam talian ini.

Seterusnya, permohonan bagi perkahwinan yang akan dilaksanakan di luar negara mempunyai beberapa prosedur berbeza iaitu pemohon perlu mengemukakan alasan tertentu perkahwinan tersebut. Selain melengkapkan surat bebas Human Immunodeficiency Virus (HIV) dan sijil kursus pra perkahwinan Islam, pemohon juga harus membawa surat kebenaran untuk bernikah dari pegawai agama daerah kepada Bahagian Undang-undang Syarak agar satu surat kebenaran untuk berkahwin di luar negara dapat dikeluarkan. Surat kebenaran dari Bahagian Undang-undang Syarak ini akan dimajukan kepada pihak berkuasa agama negara yang akan menjalankan akad nikah nanti supaya mudah untuk mengeluarkan Sijil Nikah yang sah (Md. Nor & Mohd Shari, 2006).

3.4 Permohonan Untuk Berpoligami

Dalam perundangan Islam, prosedur permohonan poligami wajib dilakukan sepertimana yang ditentukan dalam memelihara keadilan serta menghalangi kezaliman terhadap isteri dan anak-anak yang sedia ada (Mohd Shah & Meerangani, 2021). Negeri yang mula menggazetkan proses permohonan untuk berpoligami adalah Selangor, diikuti dengan Sabah, Johor, Kelantan dan negeri-negeri lain sehingga kini (Zain & Mohd Hashim, 2007) seperti yang telah diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, prosedur untuk berpoligami di negeri Terengganu, Kelantan, Perak dan kedah dilihat lebih ringan berbanding dengan Johor, Sabah, Sarawak, Pahang, Melaka, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan yang lebih ketat prosedurnya (M. Ibrahim & Samsudin, 2018).

Secara umumnya, prosedur poligami akan dimulakan sekiranya terdapat ajuan permohonan dari pihak lelaki kepada Mahkamah Tinggi Syariah (Nasohah,

2018) dengan menyertakan lampiran dokumen mengenai kedudukan kewangan pemohon, alasan atau keperluan berpoligami, bilangan tanggungan terkini dan bilangan tanggungan sesiapa yang akan berada di bawah tanggungan. Hal ini boleh dilakukan pihak lelaki dalam keadaan isteri sebelumnya bersetuju ataupun tidak (M. Ibrahim & Samsudin, 2018). Seterusnya, mahkamah tetap akan mengeluarkan surat rasmi kepada isteri sebelumnya mengenai poligami pihak lelaki sebagai suatu makluman awal (Kamaruddin & Abdullah, 2006). Setelah itu, mahkamah membuat satu prosiding perbicaraan tertutup yang dihadiri pemohon, isteri atau isteri-isteri, wali kepada bakal isteri dan sesiapa yang diperlukan oleh mahkamah (Nasohah, 2018). Tujuan kepada prosiding ini bagi membolehkan isteri yang hadir mendengar hak-hak yang boleh diperolehi seperti nafkah anak, hak bermalam dan hak terhadap harta sepencarian (Mohd Shah & Meerangani, 2021).

Kehadiran para isteri sedia ada telah diperuntukkan hampir di seluruh Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia kecuali negeri Perlis yang tidak mengambil pandangan isteri dalam menilai kelayakan suami untuk berpoligami (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis, 2006). Mahkamah akan memberikan kelulusan jika keterangan dan segala proviso yang dilampirkan oleh pemohon kepada mahkamah adalah memuaskan. Meskipun begitu, kelulusan yang diberikan tidak bergantung kepada persetujuan atau penolakan isteri. Begitu juga, mahkamah dengan kuasanya berhak untuk menolak permohonan tersebut jika didapati elemen dan syarat untuk berpoligami tidak terpenuhi walaupun isteri dengan rela hati telah bersetuju. Dapat dibuktikan di sini bahawa kehadiran isteri hanyalah berfungsi memberikan keterangan dan membantu mahkamah dalam membuat penilaian permohonan suami untuk berpoligami (Mohd Shah & Meerangani, 2021).

3.5 Pendaftaran perkahwinan

Pendaftaran perkahwinan merupakan syarat tambahan dalam undang-undang dan bukanlah termasuk dalam syarat sah nikah perkahwinan. Prosedur pendaftaran perkahwinan orang Islam di Malaysia adalah berbeza dengan orang bukan Islam yang menghendaki orang bukan Islam mendaftarkan perkahwinan di Jabatan pendaftaran Negara (JPN) dengan syarat tertentu (Negara, n.d.). Manakala orang Islam haruslah memenuhi ketentuan undang-undang keluarga Islam. Pendaftaran perkahwinan akan dilakukan seusai akad nikah ataupun di Pejabat Agama Islam oleh pendaftar nikah, imam, jurunikah atau naib kadi dengan catatan tertentu dalam pendaftaran tersebut. Jabatan Agama Islam negeri akan mengeluarkan pengesahan dalam bentuk sijil perakuan nikah dengan maklumat yang tertera di dalamnya seperti berkenaan suami, isteri, wali, tarikh nikah, tempat nikah, mahar dan hantaran (jika ada) (Ahmad Zakhi, 2015).

Berkenaan dengan perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kebenaran pendaftar, perkahwinan boleh didaftarkan semula jika dinilai benar-benar memenuhi ketentuan syarak. Namun, pasangan wajib melalui beberapa prosedur permohonan pengesahan perkahwinan yang melibatkan mahkamah syariah serta menerima perintah mahkamah syariah yang membenarkan perkahwinan dapat didaftarkan apabila dipastikan sah di sisi syarak (Nasohah, 2018). Dapat disimpulkan di dalam hal ini bahawa tujuan melakukan pendaftaran agar adanya rekod perkahwinan dapat menjaga masalah dalam masyarakat, bahkan ketiadaan rekod perkahwinan bakal membawa akibat yang tidak baik di sisi undang-undang.

4.0 Definisi Kesalahan Berkahwin Tanpa Kebenaran Menurut Hukum Syarak

Pengertian perkahwinan dari sudut bahasa telah dikategorikan oleh Abdul Karim Zaidan dalam tiga konsep berbeza iaitu nikah sah, nikah *fasid* dan nikah *bathil*. Nikah sah adalah akad nikah yang sempurna dari sudut syarat sah nikah dan rukun nikah, nikah *fasid* pula nikah yang tidak sempurna daripada syarat sah nikah dan nikah *bathil* adalah akad nikah yang tidak sempurna dari sudut rukun nikah. Hukum bagi nikah *fasid* dan *bathil* di sisi mazhab Syafie adalah tidak sah dan haram, bahkan wajib *difaraqkan*. Dalam hal ini, suami atau isteri tidak layak dan tidak boleh menerima sebarang pemberian mahar, nafkah, musoharoh, 'iddah dan pensabitan nasab. Justeru, hanya kategori pernikahan sah sahaja yang berhak untuk menerima hak-hak keistimewaan perkahwinan yang digariskan oleh syarak (Hashim et al., 2020). Berdasarkan konsep-konsep ini, dapat disimpulkan bahawa perkahwinan yang sah adalah perkahwinan yang mencukupi rukun serta syarat dalam perkahwinan, sedangkan perkahwinan yang *fasid* dan *bathil* merupakan perkahwinan yang bercanggah dengan hukum syarak.

Istilah perkahwinan tanpa kebenaran tidak diertikan secara terus oleh ulama terdahulu mahupun ulama kontemporari. Namun begitu, konsep perkahwinan tanpa kebenaran di sisi syarak adalah bergantung kepada suatu perkahwinan yang tidak mengikuti perintah Allah, Rasulullah dan *Ulul Amri* sebagaimana firman Allah Taala: yang telah difirmankan melalui Surah an-Nisa' ayat yang ke-59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, "taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu."

Surah an-Nisa' (4): 59

Sementara itu, dalam pengertian syarak yang lebih khusus, perkahwinan tanpa kebenaran adalah suatu perkahwinan yang bersangkutan paut dengan keizinan seorang wali yang layak sewaktu akad nikah (N. S. Hussin, 2015). Perkahwinan tanpa kebenaran juga bertentangan dengan hukum syarak dari sudut kehadiran wali berdasarkan pandangan Imam Syafie R.A dan Imam Malik R.A (Jannati, 2003) yang menyatakan bahawa wali dalam pernikahan merupakan salah satu dari syarat sah nikah. Perkara ini turut disandarkan dengan hadis Rasulullah SAW berikut:

لا نكاح إلا بولي

Maksudnya: Nikah tanpa wali tidak sah hukumnya.

Abu Dāud, no 2085

Selain itu, terdapat sebuah hadis yang menekankan dan kehadiran wali dalam pernikahan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah R.A:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحْتُمْ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا؛ فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ فَإِنْ دَخَلَ بِهَا؛ فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا فَإِنْ اسْتَجْرُوا فَالْأَسْلُطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَ لَهُ

Maksudnya: Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa izin walinya, perkahwinan tersebut adalah batal. Perkahwinan tersebut adalah batal. Perkahwinan tersebut adalah batal. Apabila disetubuhi oleh pasangannya, dia berhak menerima mas kahwin bagi menghalalkan farajnya. Jika berlaku tidak salah faham tentang wali, maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali.

at-Tirmizi, nombor 1102

Asasnya, hadis ini menzahirkan kepentingan mengenai keizinan seorang wali dalam pernikahan dan bukannya memfokuskan isu kelayakan untuk menjadi wali kerana perkahwinan yang diadakan wali masih tidak mungkin masih mensyaratkan memerlukan keizinan wali (Ahmad & Yuliatin, 2015). Kepentingan keizinan seorang wali turut dipaparkan melalui pernyataan Rasulullah SAW secara berulang kali sebanyak tiga kali mengenai batalnya sebuah pernikahan tanpa keizinan wali.

Keutamaan lain mengenai wali dalam pernikahan yang dinilai dalam konteks syarak ialah kedudukan atau kelayakan seorang wali. Apabila seorang pengantin perempuan dinikahkan oleh wali *ab'ad* atau wali hakim dalam keadaan wali *aqrab* masih layak melakukannya, maka perkahwinan tersebut boleh terbatal di sisi syarak kerana dianggap melangkai wali *aqrab* tersebut (Z. A.-B. Mohamad, 2017). Wali hakim yang dimaksudkan menurut perundangan ialah wali raja yang berfungsi sebagai wali pengganti jika wali nasab tiada atau enggan menikahkan perempuan yang berada di bawah perwaliannya. Walau bagaimanapun, istilah penggunaan wali hakim digunakan oleh sebahagian negeri sahaja seperti Sarawak, Johor, Pahang dan Sarawak manakala Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Kelantan dan Wilayah Persekutuan menggunakan istilah wali raja dalam enakmen mereka (Mamat et al., 2019). Meskipun penggunaan istilah dianggap berbeza namun fungsi wali hakim atau wali raja adalah sama iaitu sebagai pengganti wali nasab dalam situasi tertentu di bawah perintah hakim syarie.

Akan tetapi, bagi situasi wali nasab atau wali *aqrab* yang hilang dan ghaib atau keadaan yang tidak memenuhi syarat seperti berada dalam jarak yang jauh melebihi dua marhalah, maka ketika ini boleh menggantikan wali kepada wali hakim berikutan hak perwalian tidak berpindah kepada wali yang seterusnya (Harun, n.d.). Sebahagian ahli fiqah turut bersetuju bahawa seorang perempuan yang walinya ghaib atau berada melebihi dua marhalah tanpa diwakili sebarang wali untuk menikahnya, maka wali hakim yang berada di negeri tersebut boleh menikahkan perempuan tersebut (N. S. Hussin, 2015).

Selain itu, penggunaan wali hakim turut diharuskan dalam situasi wali enggan. Perkara ini ialah berdasarkan pandangan Imam Nawawi R.A iaitu wali hakim diharuskan sebagai ganti jika seorang wali enggan menikahkan anak perempuannya meskipun kedudukan calon suami adalah sekufu (Abi Zakaria Yahya, 2005). Bahkan, wali turut mempunyai hak untuk meminta perkahwinan yang telah berlangsung untuk difarakkan melalui kuasa ijbarnya (Mohd Azmi, 2016). Berikutan hal ini, jumhur ulama bersetuju akan pertukaran kuasa untuk menikahkan

anak perempuan daripada seorang wali enggan kepada pemerintah sebagaimana petikan hadis Rasulullah SAW:

فَإِنْ اشْتَجَرُوا؛ فَالْسلْطَانُ وَلِيٌّ مِنْ لَا وَلِيَّ لَهُ.....

Maksudnya: Kalau mereka berkelahi maka pemerintah adalah wali bagi orang yang tiada wali.

at-Tirmizi, nombor 1102

Para ulama turut bersetuju untuk menggunakan kaedah Qiyas mengenai penolakan untuk menunaikan tanggungjawab seperti membayar hutang kepada seseorang, maka pemerintah boleh mengambil alih atau bertindak bagi pihak penghutang (Abd Majid, 2006). Justeru, jumhur ulama termasuk Mazhab Syafie menyatakan bahawa penyelesaian bagi masalah wali enggan ini adalah dengan melakukan permohonan wali hakim untuk mengakadnikahkan supaya tiada kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran boleh disabitkan di sisi undang-undang (Nik Badli Shah, 2002).

Selain meneliti dan mengambil pandangan dari perbincangan pandangan para sarjana terdahulu, keputusan daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-52 yang diputuskan pada 1 Julai 2002 telah menyelaraskan bahawa setiap perkahwinan yang jauh melebihi dua marhalah dari wali nasab serta dilaksanakan oleh jurunikah yang bertauliah sebagai wali hakim dihukumkan sah di sisi Mazhab Syafie. Meskipun begitu, terdapat beberapa ketetapan elemen dan syarat yang harus dinilai iaitu:

- a. Harus melebihi dua marhalah.
- b. Tiada keputusan mahkamah yang boleh menghalangi pihak perempuan untuk berkahwin atas alasan syarak berkenaan tempat tinggalnya.
- c. Perkahwinan tersebut harus dilaksanakan oleh wali hakim yang bertauliah oleh wilayah negara berkenaan serta dinikahkan di wilayah yang ia diiktiraf sebagai hakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

Selain meneliti ketetapan aspek-aspek dari sudut hukum syarak, akad nikah yang hendak menggunakan wali hakim kerana ketiadaan wali nasab haruslah melalui prosedur yang dikemukakan kepada Mahkamah Rendah Syariah di tempat mastautin pemohon beserta dokumen yang diperlukan seperti notis permohonan, affidavit sokongan, dokumen diri dan eksibit-eksibit berkaitan, surat sokongan pendaftar nikah, fi yang ditentukan serta wakalah peguam syarie jika perlu (Government, 2023). Secara asasnya, proses yang memerlukan kepada hakim syarie ini turut terpakai bagi permohonan poligami namun berbeza dari sudut prosiding dalam perbicaraan mahkamah serta dokumen-dokumen yang harus dilampirkan.

Walaupun secara zahir pernikahan seseorang itu sah di sisi undang-undang, namun jika perkahwinan tersebut melanggar hukum syarak, maka sudah tentu perkahwinan tersebut adalah tidak sah di sisi Islam terutamanya jika telah dipastikan bahawa bathil-nya perkahwinan. Perkahwinan yang telah dipastikan benar-benar salah juga wajib difaraqkan dengan perintah mahkamah (N. S. Hussin, 2015). Dengan ini, perkahwinan yang dilangsungkan tanpa keizinan, tanpa dihadiri oleh wali atau dalam keadaan wali enggan menikahkan adalah perkahwinan yang

bertepatan dengan konsep perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut syarak melainkan jika perkahwinan tersebut menggunakan wali hakim sebagai ganti namun dalam situasi yang tertentu serta dengan alasan yang kukuh.

5.0 Konsep Kesalahan Berkahwin Tanpa Kebenaran Menurut Undang-Undang

Peraturan dan perundangan merupakan suatu perkara yang melengkapkan hukum syarak serta termasuk dalam tuntutan untuk berlaku taat terhadap setiap garisan yang dibuat oleh *Ulul Amri* atau pemerintah seperti kuasa yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri untuk mewujudkan garis panduan berkaitan munakahat (Hashim et al., 2020). Dalam undang-undang, konsep perkahwinan tanpa kebenaran adalah lebih dekat untuk ditakrifkan berdasarkan istilah perundangan kerana terarah terus kepada jenis kesalahan yang dilakukan (Borhanuddin, 2022). Satu-satunya perundangan Islam di Malaysia yang telah mengkodifikasikan tentang perkahwinan tanpa kebenaran dalam peruntukannya ialah Undang-undang Keluarga Islam dengan penggunaan statut ordinan, akta atau enakmen mengikut negeri sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 1 Peruntukan Undang-Undang keluarga Islam setiap negeri di Malaysia

Negeri	Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam
Johor	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
Kedah	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2002
Kelantan	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002
Melaka	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002
Negeri Sembilan	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003
Pahang	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005
Perak	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perak) 2004
Perlis	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) 2006
Pulau Pinang	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
Sabah	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) 2004
Sarawak	Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sarawak) 2001
Selangor	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
Terengganu	Enakmen Undang-Undang pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 1985
Wilayah persekutuan	Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Sumber: Portal Rasmi E-Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Secara asasnya, kesalahan jenayah syariah di Malaysia yang telah digubal terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu; Kesalahan di bawah akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah, kesalahan di bawah akta atau enakmen tatacara jenayah syariah, kesalahan yang berada di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama negeri-negeri dan kesalahan yang terkandung di bawah akta atau enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri (Nasohah, 2018). Jika

dibahasakan dalam pelaksanaan aspek hukuman kesalahan, perkahwinan tanpa kebenaran merupakan satu cabang jenayah syariah yang termasuk dalam kategori keempat. Ini kerana ianya merupakan suatu kesalahan matrimoni sepertimana yang telah diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam (Nasohah et al., 2010). Selain itu, perkahwinan tanpa kebenaran turut dikategorikan sebagai kesalahan tak boleh tangkap dan termasuk dalam kes-kes saman (Lembut, 2006).

Meskipun terdapat pelbagai penafsiran perkahwinan tanpa kebenaran, namun tidak ada definisi khusus yang diperuntukkan oleh akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia melainkan dianggap secara umum sebagai perkahwinan yang tidak mengikut akta atau enakmen dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan (Abdullah et al., 2021). Berdasarkan undang-undang keluarga Islam tersebut, setiap negeri telah menggariskan elemen utama kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran iaitu perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar dan perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984). Ketiadaan kebenaran daripada salah satu atau kedua-dua pihak berwibawa ini akan boleh didakwa sebagai suatu kesalahan berkahwin tanpa kebenaran meskipun telah sah di sisi syarak sebagaimana yang diperuntukkan menerusi seksyen 11 dan seksyen 12 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Selain itu, pasangan turut boleh didenda dengan hukuman tertentu sesuai dengan tindakan jika telah sabit kesalahan di mahkamah syariah.

5.1 Perkahwinan tanpa Kebenaran Pendaftar

Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, terdapat beberapa proviso yang telah digazetkan untuk dipatuhi bagi setiap pasangan yang ingin berkahwin. Syarat tersebut ialah menerusi Seksyen 16 yang memperuntukkan bahawa pasangan dikehendaki untuk melakukan permohonan untuk berkahwin kepada pendaftar sekurangnya tujuh hari sebelum perkahwinan dilangsungkan. Seterusnya, seksyen 20 turut memperuntukkan mengenai tempat perkahwinan yang dijalankan haruslah di dalam kariah atau tempat mastautin seorang perempuan melainkan jika diberi keizinan pihak pendaftar atau hakim syarie untuk melaksanakannya di negeri-negeri lain. Jika perkahwinan ingin dilaksanakan di luar negara, maka hendaklah mematuhi peruntukkan Seksyen 24 yang melibatkan kedutaan Malaysia di luar negeri (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984). Keseluruhannya, kepentingan untuk mematuhi seksyen-seksyen tersebut akan memberi kesan dalam kesahan suatu perkahwinan.

Justeru, masih terdapat perkahwinan yang secara dasarnya adalah sah di sisi syarak, tetapi salah dari sudut undang-undang atau enakmen. Misalnya perkahwinan yang dilangsungkan di Selatan Thailand menggunakan wali hakim bertauliah. Sekiranya perkahwinan tersebut tidak mendapat kebenaran oleh Pendaftar nikah, Cerai dan Rujuk di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) terlebih dahulu, maka ianya akan dihukumkan salah menurut undang-undang keluarga Islam (Abdullah et al., 2021). Bagi kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar, acap kali ianya berlaku bagi pasangan yang belum pernah berkahwin atau seseorang yang berstatus bujang dan melangsungkan perkahwinan tanpa keizinan pendaftar di tempat mastautin masing-masing (Ahmad Zakhi, 2015). Terdapat beberapa seksyen yang turut berkait dengan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran pendaftar iaitu seksyen 39 mengenai akad nikah perkahwinan yang tidak

dibenarkan, seksyen 40 kesalahan-kesalahan berhubung akad nikah perkahwinan dan seksyen 35 mengenai ketidakhadiran di hadapan pendaftar dalam masa yang ditetapkan.

5.1.1 Akad Nikah Perkahwinan yang Tidak Dibenarkan

Seksyen 39 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 telah memperuntukkan bahawa;

“Mana-mana orang, yang tidak diberi kuasa di bawah Akta ini mengadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengadnikahkan apa-apa perkahwinan, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

Secara dasarnya, seksyen 39 di atas menghuraikan kesalahan dan hukuman atas pelanggaran peruntukkan seksyen 7 dalam akta yang sama yang mewajibkan setiap perkahwinan mestilah dilaksanakan oleh wali secara hukum syarak di hadapan pendaftar. Perkahwinan juga boleh dilaksanakan oleh wakil wali namun dengan kebenaran pendaftar atau pendaftar sendiri yang menikahkan sebagai wakil kepada wali. Sementara itu, seksyen 7(2) menegaskan bagi seorang perempuan yang tidak mempunyai wali nasab hanya boleh dinikahkan oleh wali raja sahaja.

5.1.2 Kesalahan-kesalahan Berhubungan dengan Akad Nikah Perkahwinan

Berdasarkan seksyen 19, setiap akad nikah yang dilangsungkan oleh seorang perempuan yang bermastautin di wilayah persekutuan pada asalnya adalah tidak dibenarkan kecuali telah mendapat kebenaran pihak pendaftar atau pihak berkuasa negeri-negeri di wilayah persekutuan. Tambahan pula, seksyen 40 (1) memperincikan secara mendalam seksyen tersebut dengan menyatakan bahawa sesiapa yang didapati mengadnikahkan atau melakukan tindakan berupa akad nikah atau melangsungkan akad nikah tanpa kebenaran pendaftar adalah sebuah kesalahan. Bahkan, orang yang mengadnikahkan atau melakukan tindakan berupa mengadnikahkan atau melangsungkan upacara perkahwinan tanpa disaksikan sekurang-kurangnya dua saksi yang dipercayai turut dikira melakukan suatu kesalahan (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984). Peruntukan seperti ini turut tertera dalam hampir semua undang-undang keluarga Islam setiap negeri di Malaysia.

Oleh itu, adalah merupakan suatu kesalahan bagi sesiapa yang berhasrat untuk bernikah tetapi tidak mendapat keizinan pendaftar serta telah bertindak berkahwin di luar negara dengan menggunakan khidmat jurunikah tidak bertauliah sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 40(1) (Sabarudin, 2017). Hukuman bagi sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan yang disebutkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit (RM 1,000.00) atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984).

5.1.3 Tidak Hadir Di Hadapan pendaftar dalam Masa yang Ditetapkan

Terdapat kes-kes yang berlaku di kalangan pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran namun tidak mendaftarkan pernikahan mereka atas pelbagai alasan seperti tidak jelas akan prosedur atau sengaja memilih untuk merahsiakan perkahwinan tersebut (Subari, 2020). Kes berkahwin tanpa kebenaran kerap kali berlangsung di luar negara secara tidak sah dari sudut perundangan Islam. Seandainya pasangan membiarkan perkahwinan tidak didaftarkan, maka pasangan tersebut dianggap melakukan kesalahan dan layak diberikan hukuman tertentu (Arifin, 2006) Hukuman tersebut boleh dikaitkan dengan peruntukan dari seksyen 35 terhadap sesiapa yang disebutkan dalam seksyen 31 yang telah gagal mendaftarkan perkahwinannya di hadapan pendaftar mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu jika sabit ia melakukan kesalahan, maka boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984).

Dalam hal ini, seksyen 31(1) yang turut bersangkut paut dengan seksyen di atas menyebutkan bahawa setiap perkahwinan yang dilaksanakan di luar negara oleh pemastautin wilayah persekutuan tetapi tidak diperakui kedutaan yang dibenarkan oleh pendaftar di Malaysia, maka perkahwinan tersebut mestilah didaftarkan di hadapan pendaftar yang berdekatan dengan tempat tinggal di negara itu. Seterusnya, seksyen 31(2) menyatakan jika salah satu pemastautin yang telah berkahwin pulang ke salah satu negeri Wilayah Persekutuan sedangkan perkahwinan tersebut masih belum berdaftar di luar negara sebelum tamat tempoh enam bulan, maka hendaklah salah satu atau kedua-duanya hadir mendaftarkan perkahwinan tersebut dengan membawa dokumen-dokumen tertentu serta melengkapkan butiran lain yang diperlukan oleh pendaftar.

5.2 Perkahwinan Tanpa Kebenaran Mahkamah

Selain tidak mendapat kebenaran oleh pendaftar, perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah merupakan suatu perkahwinan yang tidak mendapat keizinan bertulis oleh mahkamah (M. N. Mohamad, 2008). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memperincikan jenis perkahwinan yang harus dirujuk terlebih dahulu ke Mahkamah Syariah iaitu permohonan perkahwinan bagi lelaki di bawah umur 18 tahun dan perempuan di bawah umur 16 tahun, permohonan perkahwinan seorang perempuan yang mendakwa telah diceraikan sebelum bersetubuh (janda berhias), permohonan wali hakim, permohonan perkahwinan wali hakim, perkahwinan yang tiada wali nasab yang sah, wali ghaib, anak tak sah taraf, wali enggan, wali dalam ihram, wali tidak dapat dihubungi atas sebab yang tidak dapat dielakkan, perkahwinan muallaf dan permohonan perkahwinan poligami (Government, 2023).

Berdasarkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, adalah menjadi suatu kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran bagi perkahwinan yang seharusnya dirujuk kepada hakim syarie mahkamah rendah atau mahkamah tinggi. Seksyen-seksyen yang berkaitan dengan peruntukkan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah dapat dilihat melalui seksyen 40(2) iaitu mengenai perkahwinan secara bersalahan dengan bahagian II akta ini dan seksyen 123 mengenai poligami tanpa kebenaran mahkamah (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984).

5.2.1 Perkahwinan Yang Bersalahan Dengan Bahagian II (Perkahwinan)

Seksyen 40(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa sesiapa yang berkahwin atau melakukan tindakan seumpama akad nikah tetapi berlawanan dengan kesemua Bahagian II (Perkahwinan) boleh disabitkan melakukan kesalahan dengan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Bahagian II yang dimaksudkan di sini adalah salah satu dari bahagian yang tertakluk dalam seksyen 18 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang menyatakan bahawa seorang pendaftar harus merujuk kepada Hakim Syarie jika melibatkan seorang perempuan bawah umur yang ingin berkahwin, seorang janda yang disebutkan dalam seksyen 14(3) dan seorang perempuan yang tidak mempunyai wali nasab atau wali enggan tanpa alasan yang munasabah berdasarkan seksyen 13(2).

Bagi klasifikasi kesalahan ini, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menyenaraikan prosedur dan keperluan dalam permohonan perkahwinan kepada Mahkamah Rendah Syariah tempat mastautin antaranya pemohon dikehendaki untuk melengkapkan dokumen notis permohonan affidavit sokongan, eksibit-eksibit yang berkaitan dengan kes seperti Salinan kad pengenalan, sijil pemelukan agama Islam, surat sokongan pendaftar nikah, fi mengikut kadar tertentu dan wakalah peguam syarie jika ada (Government, 2023).

5.2.2 Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah

Seksyen 123 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 telah menyebutkan mengenai seorang lelaki yang bernikah lagi sedangkan tidak mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu oleh mahkamah, maka lelaki tersebut telah melakukan kesalahan yang akan membawa hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Hukuman poligami tanpa kebenaran ini bertepatan dengan pelaku yang tidak memenuhi proviso poligami berdasarkan seksyen 17. Seksyen 17 menyatakan bahawa pendaftar hanya akan mengeluarkan kebenaran untuk bernikah kepada seorang lelaki yang telah berkahwin jika berpuas hati dengan keterangan, selesai membayar fi dan setelah mahkamah membenarkan permohonan tersebut secara bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 23 akta yang sama.

Seksyen 23 merupakan perbincangan keseluruhan proviso wajib yang harus dilengkapi untuk berpoligami. Seksyen ini turut membenarkan poligami dengan syarat wajib membuat permohonan dan melengkapkan syarat beserta affidavit tertentu. Setiap permohonan yang dilakukan akan melalui prosedur di mahkamah syariah bersama isteri sedia ada beserta dokumen yang dituntut. Kebenaran untuk berkahwin akan diberikan setelah pemohon berjaya memenuhi setiap proviso ini satu persatu serta hakim syarie berpuas hati dengannya. Melalui syarat-syarat ini, terdapat perbezaan prosedur dalam perkahwinan poligami yang mana pemohon lelaki atau suami (zaini Nasohah, 2018) hendaklah mengemukakan permohonan beserta affidavit sokongan dan alasan untuk berpoligami di Mahkamah Tinggi Syariah (Mohd Shah & Meerangani, 2021) dan bukannya melalui Mahkamah Rendah Syariah seperti permohonan-permohonan sebelum ini.

Pada masa kini, kebanyakan pelaku akan bertindak berpoligami tanpa kebenaran di luar negara berikutan prosedur poligami di Malaysia agak sulit dan

panjang. Meskipun berkahwin di luar negara merupakan jalan pintas yang singkat, namun hakikatnya pelaku boleh disabitkan telah melakukan tiga (3) kesalahan secara bersamaan (Lembut, 2006) iaitu seksyen 40(2) kerana berkahwin tanpa kebenaran dan seksyen 123 kerana berpoligami tanpa kebenaran mahkamah. Selain itu, pasangan atau isteri boleh didakwa atas kesalahan percubaan dan subahat berdasarkan seksyen 133 (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984).

6.0 Kesimpulan

Realiti isu perkahwinan tanpa kebenaran bukanlah sesuatu hal yang baharu melainkan semakin meningkat dari masa ke semasa. Masyarakat yang terdedah dengan perkahwinan tanpa kebenaran kebanyakannya akan menghadapi kesulitan dan kesukaran di masa akan datang dalam konteks kekeluargaan, keturunan, harta atau sebagainya. Oleh itu, kajian ini telah melakarkan satu persatu keperluan dalam perkahwinan dari sudut syarak mahupun undang-undang bagi setiap orang Islam di negara ini. Dari sudut syarak, kewajiban sebelum melaksanakan akad nikah adalah dengan memenuhi setiap rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan bermula ijab qabul, suami, isteri, wali dan saksi. Sementara keperluan dalam aspek perundangan sebelum berkahwin memerlukan orang Islam untuk memenuhi umur minimum seseorang bagi membolehkan suatu akad perkahwinan dijalankan. Keperluan dalam perundangan juga termasuk dengan melihat kedudukan orang yang ingin mengkadnikahkan perkahwinan tersebut. Pasangan juga perlu memohon keizinan untuk berkahwin samada perkahwinan bujang atau poligami dari pihak yang berwibawa. Setelah sah dari sudut syarak, pasangan wajib untuk melakukan pendaftaran terhadap perkahwinan tersebut dalam tempoh tertentu demi mengelakkan tersabit melakukan suatu pelanggaran terhadap perundangan sehingga boleh dijatuhkan dengan hukuman tertentu.

Konsep perkahwinan tanpa kebenaran dalam hukum syarak menghuraikan bahawa perkahwinan boleh dijatuhkan sebagai suatu kesalahan apabila pasangan pengantin terutamanya perempuan gagal meletakkan kedudukan wali pada tempatnya samada wali nasab atau wali hakim. Bukan itu sahaja, setiap tindakan yang menyalahi rukun dan syarat perkahwinan adalah tidak sah dalam hukum syarak. Dalam perundangan, perkahwinan tanpa kebenaran dinilai lebih hampir maknanya dengan istilah perundangan melalui peruntukan undang-undang keluarga Islam. Meskipun tidak disebut secara terus, tetapi terdapat seksyen-seksyen yang menyentuh mengenainya secara berasingan. Melalui seksyen-seksyen tersebut, perkahwinan tanpa kebenaran didefinisikan dalam dua kategori iaitu perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar dan perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah. Walaupun kedua-dua kategori ini masih berkaitan, tetapi klasifikasi kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar ialah dari sudut perkahwinan bujang yang tidak dibenarkan oleh pendaftar, manakala perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah adalah perkahwinan poligami yang tidak dibenarkan oleh pendaftar dan mahkamah.

Secara keseluruhannya, penjelasan konsep perkahwinan tanpa kebenaran beserta keperluan yang mesti dituruti oleh umat Islam bertujuan untuk menghadirkan kesedaran dalam diri individu setiap orang. Hal ini kerana, kesilapan mengorak langkah melakukan perkahwinan secara salah akan membawa kemudaratan dalam institusi kekeluargaan. Dalam memastikan pendedahan maklumat berkaitan konsep kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran ini sentiasa

dalam pengetahuan masyarakat, kesinambungan daripada kajian ini diharapkan dapat terus disumbangkan dengan cadangan kajian analisis berkaitan pengetahuan masyarakat berkaitan kahwin lari. Selain itu, kajian akan datang boleh diperluaskan berkenaan sindiket nikah yang semakin berleluasa ketika ini.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya kerana membiayai penyertaan untuk membentangkan kertas kerja ini dan perjalanan bagi mengikuti International Conference on Dakwah and Usuluddin 2023 (ICODUS 2023) melalui Insentif Persidangan Pasca-Siswazah (IPP).

Rujukan

- Abd Majid, M. Z. (2006). Persetujuan Wali Dalam Perkahwinan: Kajian Perbandingan Antara Fiqah Islam dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. In A. M. Yaacob & S. S. Md Supi (Eds.), *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. (1st ed., pp. 388 – 393). IKIM.
- Abd Mutalib, M. H. 2021. Pintu sempadan ditutup, kemewahan hidup ejen nikah Siam tinggal kenangan. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/pintu-sempadan-ditutup-ejen-nikah-siam-menganggur/> 15 Julai 2021.
- Abdul Karim, N. H., & Abdul Rauf, S. H. (2020). Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Analisis Kes Di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang. *Journal of Islam and Contemporary Society*, 21(3), 101–112. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.447>.
- Abdullah, S., Hussin, N. S., & Ramli, A. J. (2021). Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Memberi Kesan Terhadap Pasangan dan Institusi Kekeluargaan. Kajian Kes Di Negeri Perlis. Conference: The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI), 2 Ogos 2021, 1–19.
- Abi Zakaria Yahya, M. (2005). *Manhaj At-Tholibin wa Umdatul Muftin* (1 ed). Beirut: Dar al-Manhaj.
- Adnan, N. 2023. Permohonan Nikah Siam Meningkatkan Dua Kali Ganda. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/239638/berita/nasional/permohonan-nikah-di-siam-meningkat-dua-kali-ganda> 9 Januari 2023.
- Ahmad, B., & Yuliatin. (2015). *Hukum Perkawinan Umat Islam di Indonesia: Perspektif Fiqh Munakahat dan Undang-Undang Perkawinan*. Lamping Publishing.
- Ahmad Zakhi, M. Z. (2015). Kajian Di Mahkamah Syariah Mohd Zahiruddin Fahmi Bin Ahmad Zakhi (Desertasi Sarjana Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Akta Undang-Undang keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), (1984).
- Al-Khin, M., Mustofa, A.-B., & Ali, A.-S. (1413). *Fiqhul Manhaji 'Ala Mazhabil Imam as-Syafie*. Damsyik: Darul Qalam.
- Arifin, M. (2006). Perkahwinan di Luar Negara. In A. M. Yaacob & S. S. M. Supi (Eds.), *Manual Undang-Undang keluarga Islam*. (1st ed., pp. 365-366). IKIM.

- Atiqah, H., Bahiyah, A., & Norhidayah, P. (2020). Kahwin Lari Tanpa Izin Wali Bagi Anak Dara yang Masih Mempunyai Wali Nasab: Satu Analisis ke Atas Fatwa Negeri Perlis. *Journal of Islam in Asia*, 17(3), 268–290.
- Az-Zuhaily, W. (2011). *Fiqhul Islam Wa Adillatuhu* (9th ed.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Basyar, F. (2017). Prosedur Pencatatan Perkawinan dan Perceraian di Negara Indonesia dan Malaysia Perspektif Hukum Islam. *Istidlal: Jurnal Ekonomi Dan Hukum Islam Sekolah Tinggi Agama Islam Cendekia Insani Situbondo*, 1(1), 87–99.
- Bernama. (2018). JAWI rekodkan lebih 500 kes nikah tanpa kebenaran. *Berita Harian*.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jawi-rekodkan-lebih-500-kes-nikah-tanpa-kebenaran-189098> 24 Oktober 2018.
- Bernama. (2019). Isteri, keluarga jadi sebab nikah di Thailand. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/429727/isteri-keluarga-jadi-sebab-nikah-di-thailand> 4 Mac 2019.
- Borhanuddin, S. A. (2022). Sorotan Literatur Terhadap Polemik Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Malaysia. *Journal Syariah of Law Research*, 7(2), 273–298.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis, (2006).
- Government, M. (2023). Permohonan Perkahwinan Yang Memerlukan Perintah / Kebenaran Mahkamah. *Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia: My Government*.
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27657?language=my>.
- Harun, A. (n.d.). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-408: Hukum Nikah Menggunakan Wali Hakim Walaupun Ada Wali Nasab. *Laman Sesawang Mufti Wilayah Persekutuan*.
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4136-irsyad-al-fatwa-siri-ke-408-hukum-nikah-menggunakan-wali-hakim-walaupun-ada-wali-nasab> 7 Februari 2022.
- Hashim, H., Ghulam Kham, I. N., A Shukor, H., & Yosof, N. (2020). Isu-isu berkaitan pernikahan yang menyalahi undang-undang keluarga Islam di malaysia dan kaedah penyelesaiannya. *The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020)*, 200–209.
- Hashim, H., Nadia Ghulam Khan, I., Shukor, H. A., & Yusof, N. (2019). Perkahwinan Bawah Umur Menurut Perspektif Undang-Undang Jenayah Islam dan Undang-Undang Sivil di Malaysia. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019) Peringkat Antarabangsa*, 24 September 2019, 100-114.
- Hashim, H., Shukor, H. A., Ghulam Khan, I. N., & Yusof, N. (2010). Fenomena Nikah Sindiket: Satu Huraian Awal. *Diskusi Syariah Dan Undang-Undang*, 5, 22–41.
- Hassan, muhammad S. (2022). Mahal Bukan Masalah. *Harian Metro*.
<https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/utama/2022/06/848696/mahal-bukan-masalah> 4 Jun 2022.
- Hussain, M. A., & Mohd Noor, F. (2020). Pernikahan Orang Islam di Luar Negara Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. In R. Abdul Rahman, A. S. Abd Aziz, & Y. Md Isa@Yusuff (Eds.), *Dimensi Kemanusiaan dalam Perundangan Merentas Sempadan* (1st ed., pp. 93–113). Universiti Utara Malaysia.

- Hussin, N. S. (2015). Perkahwinan Tanpa Kebenaran : Kajian Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Noor Salwani Binti Hussin (Desertasi Sarjana Sastera (Pengajian Islam), Universiti Utara Malaysia, Perlis).
- Hussin, S. A. & N. S. (2015). Perkahwinan Tanpa kebenaran: Wacana Dari Sudut Hukum dan Perundangan Islam. Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Ibrahim, A. (1999). Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Malayan Law Jurnal Sdn Bhd.
- Ibrahim, M., & Samsudin, M. S. I. (2018). Prosedur Poligami di Malaysia (Analisis Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan). Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam, 2(1), 1-26.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kompilasi pandangan Hukum (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. JAKIM Bahagian Pengurusan Fatwa: Putrajaya.
- Jannati, M. I. (2003). Fiqh Perbandingan Lima Mazhab. Cahaya: Jakarta.
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2006). Poligami dan Undang-Undang: Isu dan Realiti. In A. M. Yaacob & S. S. Md Supi (Eds.), Manual Undang-undang Keluarga Islam. (1st ed., pp. 327-329). IKIM.
- Lembut, I. (2006). Kesalahan-Kesalahan dalam Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-Negeri di Malaysia. In . Abdul Monir Yaacob Dan & S. S. M. Sufi (Eds.), Manual Undang-undang Keluarga Islam (pp. 263–283). IKIM.
- Man, S. (n.d.). Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya. Artikel Fiqh Semasa.
- Md. Nor, A. H., & Mohd Shari, S. S. (2006). Faktor penyebab perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara: satu kajian di Mahkamah Rendah Syariah Muar. Jurnal Syariah, 14(2), 145–161.
- Md Hashim, N. (2011). Cross Border Marriage (CBM): A Comparative Study on the Profiles and Factors of CBM Among Malays in Malaysia. Seminar Kebangsaan Polisi Keluarga Malaysia, 2011, 1–19.
- Mehmood, M. I., & Hashim, N. B. (2021). Marriage Without Wali ' S Consent : A Paradigm Shift In The Family Structure of Pakistan Traditionally, International Islamic University of Malaysia Law Journal, 29(1), 135–151.
- Mohamad, M. N. (2008). Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia Di Selatan Thailand. Jurnal Sekolah Siswazah Al-Noor, 3(5), 45–59.
- Mohamad, Z. A.-B. (2017). Irsyad Al-Fatwa. PTS Publishing House.
- Mohd Azmi, N. A. (2016). Wali Enggan Menurut Undang-undang Keluarga Islam: Kajian di Mahkamah Rendah Syariah Tumpat, Kelantan. (Desertasi Sarjana Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Mohd Shah, N., & Meerangani, K. A. (2021). Faktor poligami tanpa kebenaran: analisis kes di Mahkamah Syariah Muar, Johor. E-Journal of Islamic Thought & Understanding, 1(2021), 1–13. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/E-Jitu/article/download/13230/6794>
- Musa, M. Y. (1956). Ahkam al-Ahwal asy-Syaksiyyah Fi al-Fiqh al-Islami: Dirosah Muqaranah ma'a al-Ta'arrud li ahkam al-Qada' wa bayan ma'alayh al - 'Amal al-Yaum. Damsyik: Dar al-Kitab al-Arobi.
- Nasohah, Z. (2018). Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Peruntukan Akta dan Enakmen. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasohah, Z. (2014). Prospek Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Untuk Kes-kes Kesalahan Nikah Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing. In A. Puteh & A. I. Mokhtar (Eds.), Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik

- 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-disiplin (pp. 1–27). Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasohah, Z., Mohd. Nor, A. H., & Mohamad, M. N. (2010). Senario Penguatkuasaan Kes-Kes Kesalahan Matrimoni di Malaysia. In zaini Nasohah (Ed.), Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia (1st ed., pp. 97–121). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Negara, J. P. (n.d.). Pendaftaran Perkahwinan Bagi Bukan Beragama Islam. Jabatan pendaftaran Negara, Kementerian dalam Negeri. <https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/perkahwinan/kahwin-daftar> 16 Mac 2023.
- Nik Badli Shah, N. N. (2002). Perkahwinan dan Penceraian di Bawah Undang-Undang Islam. International Law Book Service.
- Nik Wajis, N. R., Mochammad Sahid, M., Mohamad Yunus, M. I., & Baharli, N. S. (2020). Perkahwinan Kanak-Kanak Di Malaysia: Had Umur Minimum dan Implikasinya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 15–30.
- Perlembagaan Persekutuan. (2009).
- Pustaka, D. B. dan. (2007). Kamus Dewan (D. B. dan Pustaka (Ed.); 4th ed.).
- Sabarudin, S. (2017). Analisis Penalti Terhadap Kesalahan-Kesalahan Matrimoni Di Mahkamah Syariah Selangor. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak).
- Shanmugam, S., & Abd Rahman, Z. (2021). Kerelevan Perkahwinan Bawah Umur dari Sudut Undang-undang Keluarga Islam. In M. H. M. Said, F. Y. Hashim, & Z. A. Rahman (Eds.), *Isu Kekeluargaan dan Undang-undang di Malaysia* (1st ed., pp. 20–50). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- SPPIM. (n.d.). Laman Web Sistem Pengurusan Perkahwinan Malaysia (SPPIM). <https://sppim.gov.my/sppim/home> 14 September 2022.
- Subari, A. S. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Orang Malaysia Menikah di Luar Negara (Studi Di Jabatan Agama Islam Negeri Perlis). (Desertasi Ijazah Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin, Jambi).
- Wan Muhammad, R. (2017). Suka duka kahwin lari di sempadan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2017/11/348979/suka-duka-kahwin-lari-di-sempadan> 9 November 2017.
- Zahari, M. S. (2019). Status Hukum Pernikahan Yang Dilaksanakan Oleh Wali Hakim Luar Negeri (Studi Kasus di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan), *Media Syari'ah*.
- Zain, N. M., & Mohd Hashim, N. (2007). Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan. Dalam Undang-undang Keluarga (Islam), hlm.1–39.
- Zulfaqar Mamat, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim (2019). *Tertib Wali Hakim Dalam Perkahwinan : Kajian Kes di Negeri Sembilan*, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).